

# Pak Lah lancar kad keahlian Umno canggih

BH-17/6/2007

## Dilengkapi teknologi terkini bagi mantap sistem pentadbiran parti

Oleh Fazli Abdullah dan Faiza Zainudin

**K**EPALA BATAS Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, semalam, melancarkan kad keahlian Umno yang dilengkapi kemudahan teknologi terkini bagi memantapkan sistem pentadbiran parti.

Seramai 3.2 juta ahli Umno akan memiliki kad berkenaan secara berperingkat-peringkat dengan 140,000 kad diserahkan kepada ahli Umno Pulau Pinang, semalam.

Pada majlis pelancaran kad itu, Perdana Menteri turut menerima kad keahlian bagi pihak Umno Bahagian Kepala Batas daripada Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad.

Datin Seri Jeanne Abdullah, turut menerima kad keahlian Umno yang diserahkan Abdullah.

Katanya, kad itu akan diserahkan kepada ahli Umno yang sudah berdaftar dengan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

"Saya percaya usaha ini dapat melicinkan pentadbiran parti dan memastikan ahli menjalankan tanggungjawab mereka sebagai pengundi," katanya ketika berucap melancarkan Semarak Merdeka dan pelancaran Kad Keahlian Umno di Kompleks Sukan MPSP, di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Pengerusi Putera Umno, Datuk Azeez Rahim.

Kad berkenaan membolehkan Umno mengenal pasti perwakilan yang sah menghadiri perhimpunan Umno dan membuat pemilihan serta pengundian.

Selain sebagai saluran komunikasi dua hala antara Umno dan ahlinya, kad itu juga berfungsi sebagai kad kesetiaan membolehkan ahli mendapat rebet apabila berbelanja



**SEMAKIN CERIA:** Abdullah bersama Jeanne beramah mesra dengan kumpulan mat rempit yang berjaya membuat penerjunan di Kutub Utara pada Program Semarak Merdeka dan Pelancaran Kad Umno di Kepala Batas, semalam.

Kad Keahlian Umno

**140,000**

Kad Keahlian Umno

**3.2 juta**

di lebih 100 rangkaian kedai ICash. Pada majlis itu, Abdullah juga meminta semua bahagian dan cawangan Umno di seluruh negara mendaftarkan ahli masing-masing sebagai pengundi dengan segera. Katanya, pendaftaran dengan SPR dapat membantu memperkukuhkan jentera parti, sekali gus memastikan Barisan Nasional (BN) terus menerajui negara pada masa hadapan. Bercakap kepada pemberita selepas itu, Abdullah berkata, isterinya, Jeanne menjadi ahli Umno cawangan Bertam di Bahagian Kepala Batas. "Beliau akan menjadi pengundi Parlimen Kepala Batas," katanya yang juga pengundi dan Ahli Par-

limen Kepala Batas. Sementara itu, pelbagai acara diadakan sempena program berkenaan termasuk persembahan hiburan dan pertunjukan payung terjun dan silat yang disaksikan lebih 10,000 pengunjung. Abdullah dan Jeanne turut menerima ucapan selamat pengantin baru daripada pelbagai pihak termasuk nyanyian 'Selamat Pengantin Baru' daripada beberapa artis termasuk Mawi. Seorang daripada 11 penerjun Putera Umno yang berjaya membuat penerjunan di Kutub Utara, turut membawa kain rentang bertulis 'Selamat Pengantin Baru' ketika pertunjukan payung terjun.

BERNAMA